



**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**DATO' DR AHMAD KAMARULNAJUIB BIN CHE IBRAHIM  
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA**

**UNTUK**

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGUMPULAN SISA  
ELEKTRONIK ISI RUMAH (*HOUSEHOLD E-WASTE TAKE BACK  
PROGRAM*) 2018**

**5 MEI 2018**

**DEWAN MASYARAKAT KAMPUNG MUARA TEBAS, KUCHING**

## **Salutation**

Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri  
Sumber Asli dan Alam Sekitar

Yang Berbahagia Datin Hanili binti Ghazali,  
Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya  
Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Yang Berusaha Puan Azuri Azizah binti Haji Saedon  
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak

Ketua-ketua dan wakil Ketua Jabatan

Penghulu, Ketua-Ketua Kaum, Pemimpin Masyarakat

Para Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum w.b.t, Selamat Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Yang Berhormat Dato', Datin, dan hadirin yang hormati sekalian,

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana pada petang ini dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Pelancaran Program Pengumpulan Sisa Elektronik Isi Rumah ("*Household E-Waste Take Back Program*") Tahun 2018 ini. Terima kasih dan penghargaan saya juga kepada Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana dapat meluangkan masa bersama-sama kita untuk merasmikan majlis, serta semua dif-dif kehormat dan semua jemputan yang sudi dan dapat turut bersama memberi sokongan di Majlis pada hari ini.

Yang Berhormat Dato', Datin, dan hadirin yang hormati sekalian,

2. Bahan buangan elektrik dan elektronik yang dikenali sebagai *e-Waste* berpotensi menjadi berbahaya jika tidak dikendalikan dengan baik. Pemprosesan *e-Waste* mengikut kaedah yang tidak sesuai boleh menyebabkan masalah kesihatan dan pencemaran yang serius kerana *e-Waste* mengandungi beberapa bahan pencemar seperti plumbum, kadmium, berilium dan *brominated flame retardants*. Sebagai contoh, papan *printed circuit* yang mengandungi

logam berat seperti nikel, kromium, timah, plumbum, kuprum dan tiub *cathode ray* (CRTs) yang mengandungi plumbum oksida. Jika *e-Waste* dibuang di tapak pelupusan sampah, sumbernya tidak dapat digunakan lagi untuk masa depan. Di samping itu, bahan-bahan pencemar yang terkandung dalam *e-Waste* ini berpotensi melarut-resap di tapak pelupusan sampah dan mencemarkan air permukaan serta air tanah.

3. Di Malaysia, *e-Waste* dikategorikan sebagai Buangan Terjadual di bawah kod SW110, Jadual Pertama, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Jabatan Alam Sekitar telah memainkan inisiatif dan peranan dalam pengurusan Bahan Buangan Terjadual di negara ini. Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, JAS telah menerbitkan beberapa garis panduan mengenai *e-Waste*. Antaranya yang diterbitkan ialah "*Guidelines for the Classification of Used Electrical and Electronic Equipment in Malaysia*" yang diterbitkan pada 2008.
4. Di peringkat antarabangsa, Konvensyen Basel Kawalan Pergerakan dan Pelupusan Bahan Berbahaya Merentasi Sempadan 1989 juga menyenaraikan kod *e-waste* sebagai A1180 dan A2010 di bawah Senarai A dalam Annex VIII. Disebabkan Malaysia menjadi parti kepada Konvensyen Basel, import dan eksport buangan berbahaya haruslah mengikut prosedur Konvensyen tersebut. Import dan

eksport buangan tersebut memerlukan Kelulusan Bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar sebagai mandatori di bawah Seksyen 34(1)(b) & (c), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sesiapa yang tidak mematuhi Seksyen tersebut boleh disabitkan melanggar undang-undang dan boleh dihukum penjara tidak melebihi lima (5) tahun dan dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000.

5. Pelancaran Program Pengumpulan Sisa Elektronik Isi Rumah (*“Household E-Waste Take Back Program”*) Tahun 2018 ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan untuk menguruskan sisa elektronik di rumah dengan baik. Dengan perkembangan teknologi dan kemajuan pada hari ini, penggunaan peralatan elektrik dan elektronik semakin meningkat terutamanya di rumah dan juga bagi setiap individu. Peralatan-peralatan tersebut adalah seperti televisyen, penghawa dingin, peti ais, komputer, telefon bimbit dan lain-lain lagi. Apabila sampai satu tempoh di mana peralatan tersebut tidak dapat digunakan lagi, ianya dianggap sebagai *e-Waste* namun ramai masyarakat pada hari ini tidak mengetahui bagaimanakah kaedah untuk menguruskan *e-Waste* tersebut dengan betul.

Yang Berhormat Dato', Datin, dan hadirin yang hormati sekalian,

6. Adalah penting bagi masyarakat untuk menguruskan *e-Waste* dengan betul supaya dapat mencegah berlakunya pencemaran alam sekitar di samping menjamin kelestarian alam untuk masa hadapan. Ini adalah juga bagi memastikan faedah yang dapat diperolehi semula daripada sisa tersebut sekiranya ia dapat dikitar semula maka adalah penting untuk ianya diuruskan dengan baik. Antara usaha yang boleh dilakukan oleh masyarakat adalah dengan mengasingkan *e-Waste* daripada sampah domestik biasa dan menghantar ke kontraktor atau pengutip berkelayakan.
7. Bagi industri pengeluar *e-Waste* dan Kontraktor atau pengutip *e-Waste*, mereka perlu memastikan *e-Waste* yang dihasilkan dihantar ke premis-premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Kutipan *e-Waste* perlu menggunakan pengangkut yang bersesuaian dan berlesen dengan Jabatan Alam Sekitar. Selain itu, Pengitar Semula *e-Waste* perlu memastikan proses kitar semula dijalankan dengan sebaik mungkin dan menggunakan proses pemerolehan kembali yang cekap agar pencemaran boleh dikawal dari punca.
8. Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama 'Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun' (JICA) juga telah mewujudkan Laman Portal Rasmi mengenai '*Household e-Waste*' di Laman Web Jabatan Alam

Sekitar. Laman portal ini mengandungi sumber-sumber informasi yang boleh dirujuk oleh masyarakat mengenai pengurusan '*Household e-Waste*'.

Yang Berhormat Dato', Datin, dan hadirin yang hormati sekalian,

9. Kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar sewajarnya harus meningkat dengan perkembangan zaman teknologi masa ini. Ini adalah kerana, pelbagai peralatan digunakan sebagai aplikasi untuk kegunaan dan keperluan bagi kehidupan seharian. Namun begitu, masyarakat sewajarnya menanamkan rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap alam sekitar dengan tidak mengambil sikap sambil lewa dalam pengurusan *e-Waste*. Dengan mengamalkan gaya hidup yang mesra alam dan mengambil tanggungjawab atas segala tindak tanduk terutamanya dari segi penggunaan peralatan elektrik dan elektronik dan seterusnya sehingga menguruskannya sebagai *e-Waste* dapat memastikan kelestarian alam terjamin bukan sahaja untuk hari ini bahkan melindungi alam ini untuk generasi akan datang.
  
10. Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama padu yang diberikan oleh semua pihak terutama atas sokongan daripada Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana

dapat bersama-sama dengan kita bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Pengumpulan Sisa Elektronik Isi Rumah (*“Household E-Waste Take Back Program”*) Tahun 2018 kali ini. Saya berharap agar majlis ini dapat dihayati oleh setiap masyarakat Malaysia dengan melaksanakan amalan mesra alam dalam kehidupan seharian.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.